

Kesalahan Penggunaan Bahasa Istana

Latihan 12

Betulkan kesalahan **bahasa istana** yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah.

- 1 Penduduk negeri Alam Shah Bana berduka apabila Raja Ali sakit.

- 2 Negeri Beringin Rendang bersedih apabila rajanya meninggal dunia.

- 3 "Isteri beta akan menjaga negeri ini sepanjang beta berada di Siam," titah Sultan Malikul Salleh.

- 4 Putera dan puteri Raja Pertiwi berasa bimbang apabila ayahanda mereka tidak makan selama seminggu.

- 5 Jenazah baginda akan dikuburkan di Riau, Indonesia.

- 6 Kejadian itu berlaku apabila puteri-puteri baginda sedang tidur.

- 7 Dayang-dayang itu menemani tuan puteri ketika mandi.

- 8 Ayah kelihatan segak pada hari ini kerana dia akan menjumpai sultan.

- 9 Tanah di seberang jalan itu ialah hadiah daripada Sultan Shahrul Nizam kepada Pak Ali.

- 10 Sultan Shahrul Nizam duduk di kerusi ketika majlis keramaian itu dimulakan.

- 11 Baginda akan bertolak ke luar negara untuk menjalani pembedahan pada bulan hadapan.

- 12 Baginda akan tinggal di istana kayangan pada bulan hadapan.
